

Bawa anak-anak yatim membeli-belah

GM Klang anjur program Iftar Untukmu bantu persiapan Aidilfitri

Bagi memastikan persiapan menjelang Aidilfitri turut dirasai golongan kurang bernasib baik, Pusat Borong GM Klang (GM Klang) meraikan seramai 41 anak yatim dari Rumah Anak Yatim Kanchong Darat menerusi program Iftar Untukmu.

Penolong Pengurus Komunikasi Jenama GM Klang, Nur Faezah Mohd Arsad berkata, program kolaborasi bersama *Sinar Harian* itu turut melibatkan acara membeli-belah pakaian hari raya, pemberian sumbangan duit raya dan penyediaan juadah berbuka puasa bersama.

"Bagi saya, program ini bukan sahaja untuk meluaskan penjenamaan GM Klang, tetapi pada masa yang sama kami dapat menjalinkan hubungan rapat dengan pihak luar terutama golongan yang memerlukan.

"Semasa membeli-belah, mereka (anak-anak yatim) kelihatan begitu teruja untuk menyambut hari raya apabila mendapat tajaan daripada pihak GM Klang.

"Lebih menarik lagi, tajaan ini bukan sahaja daripada pihak kami tetapi para peniaga di sini juga turut menyumbang untuk anak-anak yatim ini," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Nur Faezah turut berharap agar program kolaborasi tersebut dapat diteruskan pada masa hadapan dalam usaha menyantuni golongan berkenaan.



Bagi menyempurnakan tanggungjawab sosial korporatnya tahun ini, GM Klang menyalurkan sebanyak RM40,000 melalui Program Iftar Untukmu.

Sementara itu, Penjaga Rumah Anak Yatim Kanchong Darat, Siti Nor Afiqah Molyana berkata, sumbangan hari raya itu merupakan tajaan pertama yang diterima pihaknya



NUR FAEZAH



SITI NOR AFIQAH MOLYANA

setelah dua tahun.

Jelasnya, dengan inisiatif tersebut, ia berupaya membangkitkan rasa gembira anak-anak yatim yang menerima sumbangan sebagai persediaan menyambut hari raya tidak lama lagi.

"Terima kasih GM Klang kerana menjayakan program seperti ini. Jasa yang dihulurkan oleh semua pihak kepada kami akan dikenang.

"Anak-anak ini semuanya pertama kali datang ke GM Klang dan ini merupakan satu pengalaman yang menarik. Saya lihat mereka juga sangat teruja untuk datang ke sini.

"Sepanjang dua tahun ini, kami keluarkan dana sendiri untuk membeli baju raya mereka. Alhamdulillah, rezeki kami tahun ini mendapat tajaan," ujarnya.

LENSA

1 & 2. Gelagat anak-anak yatim yang dibawa membeli-belah menerusi program Iftar Untukmu yang ditaja oleh Pusat Borong GM Klang.

3. Mereka turut menerima sumbangan duit raya pemberian khas GM Klang.

4. Anak-anak yatim ini kelihatan teruja menerima duit raya daripada Ketua Pengarah Kewangan GM Klang, Foo Loke Ping.

5. Pihak GM Klang turut menyediakan juadah berbuka puasa kepada anak-anak yatim.


6. Kemeriahan menanti waktu berbuka puasa selepas masing-masing seronok membeli pakaian raya.

REAKSI ANAK YATIM



"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada GM Klang kerana membeli pakaian raya kepada kami semua untuk raya kali ini." -

Muhammad Faiqurrahman Syafiq, 12



"Saya dan rakan-rakan gembira dengan sumbangan ini, kami dapat merayakan Aidilfitri dengan pakaian baharu."

- Nur Alia Syuhada Mispah, 13

BAZAAR RAMADAN

4 April - 1 Mei (Setiap Hari)
dari 4:30pm hingga 8pm

RIOOOH RAYA IS BACK! 2022

Aktiviti Mingguan

9 - 24 April (Setiap hujung minggu)

- PANGGILAN DUIT RAYA!
- Busking
- Penampilan Istimewa Gina & Mat

16 & 17 April (Sabtu & Ahad)

- Bengkel dan Pameran Kad Raya
- Persembahan Band

9 & 10 April (Sabtu & Ahad)

- Bengkel dan Pameran Khat & Jawi

23 & 24 April (Sabtu & Ahad)

- Bengkel dan Pameran Batik
- Tarian Kebudayaan
- Persembahan Band
- Pameran & Hari Bertemu bersama IPD Klang Selatan